



# LINDUNGI DIRI ANDA DARIPADA GIGITAN NYAMUK AEDES



1 Gunakan repellen



2 Sembur aerosol racun serangga



3 Pasang penghalau nyamuk




4 Pakai seluar panjang dan baju lengan panjang



5 Elakkan berada di luar rumah pada awal pagi (6-8 pagi) atau senja (6-8 malam). Waktu ini adalah waktu puncak nyamuk Aedes menggigit



6 Pasang jaring penghalang nyamuk



7 Tidur dalam kelambu

#### Cara penggunaan repellen:

1. Repellen perlu dikenakan/disapu pada bahagian kulit yang terdedah.
2. Elakkan dikenakan/disapu repellen pada kulit yang luka.
3. Baca arahan penggunaan pada label.

#### Panduan penggunaan aerosol:

1. Tutup semua pintu dan tingkap.
2. Sembur aerosol di serata bilik selama 5-10 saat.
3. Sembur secara terus di tempat nyamuk berehat, kebiasaannya tempat yang gelap dan terlindung seperti bawah meja, belakang almari, bawah katil dan stor barang/peralatan.
4. Tinggalkan bilik selepas menyembur dan biarkan tertutup sekurang-kurangnya 10 minit sebelum masuk semula.
5. Sila patuhi arahan penggunaan pada label botol aerosol untuk keselamatan anda.

#### Langkah pencegahan:

1. Memakai seluar panjang dan baju berlengan panjang yang berwarna cerah.
2. Gunakan penghalau nyamuk (*mosquito repellent*) semasa berada di luar rumah **TERUTAMA** pada awal pagi dan lewat petang.

\* Penghalau nyamuk boleh dibeli di farmasi dan kedai serbaneka.